

# KPL U ZAINAL ARIF JUARA KEJOHANAN MR LITTLE INDIA KE-6

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2666-kpl-u-zainal-arif-juara-kejoohan-an-mr-little-india-ke-6](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2666-kpl-u-zainal-arif-juara-kejoohan-an-mr-little-india-ke-6)

KUALA LUMPUR, 12 Nov 17 – Atlet Bina Badan TUDM, Kpl U Zainal Arif bin Zainal Ariffin sekali lagi mengharumkan nama TUDM apabila memenangi tempat pertama dalam kategori *Men Physique International* (bawah 170cm) di Kejohanan Mr. Little India ke-6 yang berlangsung di Stadium Chin Woo, Kuala Lumpur.

Kejohanan yang dianjurkan oleh *Malaysia Indian Bodybuilding Association* (MIBBA) turut disertai oleh anggota TUDM yang lain iaitu PW U I Jalaluddin bin Hussain (tempat ke-4 *Bodybuilder Indian Closed*) dan Sjn U Muammar Gaddafi bin Hussain (tempat ke-3 *Bodybuilder Indian Closed* dan tempat ke-4 *Men Physique International Open*).

